

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961
DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
DISEMBER 2023

Arahan Kepada Calon-Calon

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab:

Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu

***** SEMOGA BERJAYA*****

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi tiga puluh (30) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

- 1) Waktu-waktu berkerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang bertugas pada hari Jumaat di sepanjang bulan Ramadhan ialah
 - a. Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi
 - b. Jam 8.00 pagi hingga 11.45 pagi
 - c. Jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahhari
 - d. Jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengahhari

- 2) Waktu berkerja minimum sehari di jabatan-jabatan kerajaan ialah
 - a. 7 $\frac{1}{4}$ Jam
 - b. 7 $\frac{1}{2}$ Jam
 - c. 8 $\frac{1}{2}$ Jam
 - d. 8 $\frac{1}{4}$ Jam

- 3) Salah satu kemudahan yang diberikan dalam Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Dalam Negeri ialah Elaun Projek. Berapakah kadar Elaun Projek bagi yang mengikuti program Ijazah Sarjana dan PhD ?
 - a. \$150.00
 - b. \$200.00
 - c. \$250.00
 - d. \$300.00

- 4) Pengiklanan jawatan kosong menurut Bab 38 (B) ialah
- a. Iklan terbuka kepada orang ramai termasuk kakitangan kerajaan
 - b. Iklan untuk kakitangan di semua Kementerian dan Jabatan
 - c. Iklan untuk kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan sahaja
 - d. Iklan khusus untuk yang mempunyai kelulusan tertentu sahaja
- 5) Pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) akan diberikan Elaun Buku. Berapakah kadar Elaun Buku yang diberikan bagi program HND dan ke atas ?
- a. \$700.00
 - b. \$800.00
 - c. \$900.00
 - d. \$1000.00
- 6) Siapakah pihak yang membenarkan bagi permohonan Cuti Tahunan selama 11 hari bagi tujuan mengikuti kursus atas perbelanjaan sendiri?
- a. Unit Latihan Dalam Perkhidmatan, JPA
 - b. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Ketua Jabatan masing-masing
 - d. Jabatan Perkhidmatan Awam

- 7) Berapakah peratus (%) Gred Penilaian Prestasi bagi tahap penilaian "Memerlukan Pembaikan" ?
- a. 60% - 79%
 - b. 64% - 77%
 - c. 51% - 64%
 - d. 50% - 65%
- 8) Kuasa membenarkan memangku semua jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) bagi tempoh melebihi 180 hari ialah
- a. Jabatan Perdana Menteri
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- 9) Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) diperkenalkan pada tahun...
- a. 1995
 - b. 1999
 - c. 2000
 - d. 2001

- 10) Apakah Fokus utama Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) ?
- a. Orang Ramai, Piawai (Standard) dan Sikap / Etika
 - b. Pelanggan, Piawai (Standard) dan Sikap
 - c. Orang Ramai, Piawai dan Etika Perkhidmatan Awam
 - d. Janji, MPK Jabatan dan Sikap / Etika
- 11) Apakah yang akan terjadi kepada baki cuti pegawai kontrak tempatan (syarat baru) yang tidak sempat diambil dalam tempoh tertentu?
- a. Dibawa ke kontrak seterusnya
 - b. Mansuh dengan sendirinya
 - c. Dibayar oleh kerajaan
 - d. Semua diatas adalah kurang tepat
- 12) Berapakah kadar Elaun Bermalam (semalam) bagi pegawai dalam Bahagian III yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam di luar dari kawasan tempatnya bertugas?
- a. \$25.00
 - b. \$30.00
 - c. \$35.00
 - d. \$40.00

- 13) Kesan "Jalan Keluar Cara Mudah" dalam membuat Penilaian Prestasi ialah...
- a. Menilai semua pegawai meratai secara ketat atau longgar
 - b. Mengelakkan keputusan dengan cara menilai semua kakitangan secara purata
 - c. Membolehkan satu sifat baik dari prestasi pegawai yang dinilai mempengaruhi kebaikan pada sifat yang lain
 - d. Menilai prestasi pegawai berkenaan demi untuk memastikan pegawai tersebut naik pangkat.
- 14) Kadar bonus tahunan yang akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan Bahagian II yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Luar Negeri dan telah lulus peperiksaan ialah
- a. 1 x gaji pokok (100%)
 - b. 1 ½ x gaji pokok (150%)
 - c. ½ x gaji pokok (50%)
 - d. Tidak ada bonus diberikan
- 15) Bilakah Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke-30, Tahun 2023 diadakan ?
- a. 28 Oktober 2023
 - b. 29 Oktober 2023
 - c. 30 Oktober 2023
 - d. 31 Oktober 2023

- 16) Apakah Tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke-30, Tahun 2023 ?
- a. Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara
 - b. Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif
 - c. Perkhidmatan Awam Berintegriti Dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara
 - d. Keberdayatahan Dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara
- 17) Anugerah Perkerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan dibawahnya pada....?
- a. Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke – 16, Tahun 2009
 - b. Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke – 17, Tahun 2010
 - c. Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke – 18, Tahun 2011
 - d. Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke – 19, Tahun 2012
- 18) Cuti Lebih Masa (*Off In Lieu*) hanya diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam bahagian berapa?
- a. Bahagian II dan III
 - b. Bahagian III dan IV
 - c. Bahagian IV dan V
 - d. Bahagian III, IV, V dan Perkerja Bergaji Hari

- 19) Surat Keliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengandungi perkara apa ?
- a. Dasar serta peraturan umum kerajaan
 - b. Peraturan-peraturan perkhidmatan
 - c. Perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Kewangan
 - d. Peraturan perkhidmatan dan hal ehwal kewangan
- 20) Cuti Tahunan dan Cuti Mandatori yang diambil adalah termasuk... ?
- a. Hari Berkerja
 - b. Hari Kelepasan Am
 - c. Hari Berkerja dan Hari Kelepasan Am
 - d. Semua diatas adalah kurang tepat
- 21) Cuti kahwin yang dibenarkan kepada Pegawai-Pegawai Pelajaran Tempatan ialah selama... ?
- a. 7 Hari
 - b. 10 Hari
 - c. 14 Hari
 - d. 21 Hari
- 22) Salah satu (1) perkara berikut termasuk dalam ciri-ciri Manual Prosedur Kerja (MPK). Apakah dia perkara tersebut ?
- a. Carta Perkembangan Individu
 - b. Aktiviti Kerja
 - c. Tanggagaji Kakitangan
 - d. Lembaran Semak

23) Mata pelajaran bagi peperiksaan kerani-kerani rendah ialah

- a. Peraturan Kewangan, Menaip dan Aturan Pejabat
- b. MIB, Trengkas dan Pengetahuan Am
- c. Trengkas, Aturan Pejabat dan MIB.
- d. Pengetahuan Am, Aturan Pejabat dan Surat Menyurat

24) Apa yang dimaksudkan dengan "Fail Meja" ?

- a. Dokumen rujukan kakitangan kerajaan bagi menjalankan tugas harian
- b. Surat Pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam
- c. Satu kenyataan bertulis tentang piawai perkhidmatan Jabatan
- d. Minit keliling berkaitan tugas dan tanggungjawab kakitangan kerajaan

25) Berapakah ciri yang terdapat didalam Buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam?

- a. 10 ciri
- b. 11 ciri
- c. 12 ciri
- d. 13 ciri

- 26) Apakah ciri bilangan kelima yang terdapat dalam borang Penilaian Prestasi bagi Pegawai-Pegawai Bahagian II ?
- a. Pengurusan Kerja
 - b. Membuat Keputusan
 - c. Inovatif
 - d. Kepimpinan
- 27) Berapakah tempoh keseluruhan cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian di Negara Brunei Darussalam?
- a. Tidak lebih 5 hari setahun
 - b. Tidak lebih 10 hari setahun
 - c. Tidak lebih 15 hari setahun
 - d. Tidak lebih 20 hari setahun
- 28) Cuti batuk kering boleh diberikan kepada Warga Perkhidmatan Awam yang menghidap penyakit batuk kering. Berapakah jumlah cuti yang dibenarkan?
- a. Maksimum 3 bulan bergaji penuh
 - b. Maksimum 4 bulan bergaji penuh
 - c. Maksimum 5 bulan bergaji penuh
 - d. Maksimum 6 bulan bergaji penuh

- 29) Salah satu teknik berikut tidak digunakan oleh Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC). Teknik yang tidak digunakan itu ialah...
- a. Pareto's Analysis
 - b. Force-field Analysis
 - c. Spider-web Analysis
 - d. Complex Analysis
- 30) **Elaun Penyedia Penjagaan** ada disentuh didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri. Surat Keliling manakah yang menyentuh mengenai Elaun penyedia penjagaan tersebut ?
- a. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 11/2020
 - b. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 12/2020
 - c. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 11/2021
 - d. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 12/2021

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

- 1) Sila nyatakan Gred Penilaian Prestasi bagi peratus (%) prestasi berikut: (5 Markah)

PERATUS (%)	GRED PRESTASI
95%	
83%	
65%	
55%	
45%	

- 2) Sila nyatakan kadar gaji sehari bagi setiap kelulusan kakitangan bergaji hari sepertimana yang terkandung didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007. (5 Markah)

KELULUSAN	KADAR GAJI SEHARI (\$)
HND	
Ijazah Lulus	
Ijazah Kepujian	
Ijazah Sarjana	
PhD	

- 3) Sila nyatakan 5 jenis lantikan dalam perkhidmatan awam. (5 Markah)
- 4) Sila nyatakan 5 Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam (menurut kesalahan yang dilakukan) ? (5 Markah)
- 5) Sila sebutkan 5 keadaan wang simpanan yang dikumpul dalam skim TAP boleh dikeluarkan? (5 Markah).
- 6) Elaun gangguan ada disebutkan didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 21/1984. Sila sebutkan kadar elaun gangguan tersebut. (5 Markah)

BAHAGIAN	KADAR ELAUN (\$)
I	
II	
III	
IV	
V	

- 7) Sila nyatakan kegiatan-kegiatan dimana pegawai perkhidmatan awam boleh diberikan cuti tanpa catat ? (5 Markah)

- 8) Berapakah kadar elaun sepertimana yang tersenarai didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 12/2021 seperti berikut? (5 Markah)

Jenis Elaun	KADAR ELAUN SEBULAN (\$)
Pencen Umur Tua	
Elaun orang buta yang berumur di bawah 15 tahun	
Elaun bagi kecalaruan mental yang berumur dibawah 15 tahun	
Elaun pemulihan bagi yang berumur dibawah 15 tahun	
Elaun kurang upaya yang telah mencapai umur 15 tahun	

- 9) Apakah kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada warga perkhidmatan awam semasa mengikuti kursus secara separuh masa (*Part Time*) di dalam negeri sepertimana yang tersenarai di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 07/2021? (5 Markah)
- 10) Kakitangan dalam Perkhidmatan Bergaji Hari akan dilantik ke Perkhidmatan Tetap didalam jawatan dan bahagian yang sama tertakluk kepada syarat-syarat tertentu sepertimana yang disebutkan didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 08/2021. Apakah syarat-syarat tersebut? (5 Markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan.

SOALAN 1 – LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Awang Bujang bin Senang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran samaada didalam negeri atau luar negeri. Beliau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang sedia ada pada ketika ini. Sila jawab soalan-soalan berikut.

1. Sila sebutkan bilangan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri khusus untuk Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Yang mengawal Mengenai Dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri. (2 Markah)
2. Apakah kemudahan-kemudahan LDP dalam negeri bagi pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri? (5 Markah)
3. Berapakah tempoh ikat janji (**bond**) berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh kursus seperti berikut: (5 Markah)
 - Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun -**tahun**
 - Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun - **tahun**
 - Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun - **tahun**
 - Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun - **tahun**
 - Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun -**tahun**

4. Berapakah kadar elaun-elaun yang diberikan bagi pegawai dan kakitangan yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) seperti berikut ? (5 Markah).

Jenis Elaun	KADAR ELAUN SEBULAN
Elaun Sara Hidup (ESH) – United Kingdom (GBP)	GBP
Elaun Buku – Kursus Ijazah Sarjana (Dengan Cara Tuntutan)	
Elaun Pakaian Bagi Negeri Bermusim Sejuk	
Penghantaran Balik Barang-Barang Peribadi Setelah Tamat Pengajian	
Elaun Pengangkutan - Germany (Lapangan Terbang ke Tempat Pengajian & Tempat Pengajian ke Lapangan Terbang)	

5. Berapakah kadar bonus untuk pegawai dan kakitangan Bahagian II yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) ? (1/2 Markah).

SOALAN 2 – HAL EHWAL MEMANGKU DAN HAL EHWAL CUTI

Dayang Supinah bte Matyassin bertugas di Bahagian Pentadbiran dan diarahkan untuk menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan Hal Ehwat Memangku. Sila jawab soalan berikut:

- 1) Sila sebutkan bilangan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Hal Ehwat Memangku? (2 Markah)
- 2) Siapakah kuasa yang membenarkan bagi memangku jawatan di Peringkat Kementerian atau Jabatan bagi tempoh melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seseorang pegawai untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya? (2 Markah)
- 3) Di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Hal Ehwat Memangku, ada disebutkan 2 pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan yang tidak boleh dilantik memangku. Sila sebutkan. (2 Markah)
- 4) Berapakah kadar kelayakan cuti tahunan bagi pegawai dalam perkhidmatan tetap dalam Bahagian III dengan umur seperti berikut? (2 Markah)

Umur	KELAYAKAN CUTI TAHUNAN (HARI)
Dibawah 40 tahun	
40 tahun & ke atas	

- 5) a) Cuti lebih masa (*off in lieu*) cuma diberikan kepada pegawai dan kakitangan di Bahagian berapa? (4 Markah)

b) Cuti lebih masa (*off in lieu*) boleh dikumpulkan secara setahun ke setahun. Betul atau salah? (1 Markah)

- 6) a) Cuti Beranak diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin disisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah kadar cuti beranak yang diberikan dalam Perkhidmatan Awam? (1 Markah)

b) Pembayaran gaji kepada pegawai atau kakitangan wanita yang mengambil cuti beranak adalah berdasarkan tempoh perkhidmatannya. Bagaimana kedudukan pembayaran gaji bagi pegawai atau kakitangan wanita yang tempoh perkhidmatannya melebihi 180 hari, 90 hingga 180 hari dan kurang 90 hari? (3 Markah)

Tempoh Perkhidmatan	PEMBAYARAN GAJI
Melebihi 180 hari	
90 hingga 180 hari	
Kurang 90 hari	

- 7) Berapakah maksimum baki cuti yang terkumpul pada bila-bila masa bagi semua pegawai di dalam Bahagian I hingga V? (1/2 Markah).

SOALAN 3 – PERLANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

Awang Manap bin Ali, Pegawai Kakitangan telah diberikan beberapa soalan mengenai kakitangan Pegawai Kontrak. Sebagai Pegawai Kakitangan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kakitangan, sila jawab soalan-soalan berikut.

- 1) Lantikan pegawai kontrak di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah secara sementara. Sila sebutkan 2 jenis lantikan kontrak yang ada pada ketika ini. (2 Markah).

- 2)
 - a) Berapakah tempoh kontrak pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara diambil berkhidmat semula dengan kerajaan? (3 Markah)

 - b) Berapakah kadar baksis (%) yang diberikan kepada para pegawai kontrak Asing Bahagian III bagi Kontrak pertama? (1 Markah)

 - c) Berapakah jumlah kelayakan cuti pegawai kontrak tempatan yang berumur 40 Tahun keatas dalam Bahagian IV? (2 Markah)

 - d) Berapakah jumlah kelayakan cuti pegawai kontrak Asing yang berumur 40 Tahun kebawah dalam Bahagian V? (2 Markah)

 - e) Bagaimanakah kedudukan cuti pegawai kontrak tempatan (syarat lama) yang tidak diambil dalam satu tempoh kontrak yang telah ditetapkan? (2 Markah)

- 3) Apakah faedah-faedah yang layak diberikan kepada pegawai kontrak jika ditamatkan perkhidmatannya disebabkan oleh sakit atau uzur? Sila senaraikan lima (5) faedah-faedah tersebut (5 Markah).

- 4) Apakah tahap penilaian prestasi 2 tahun kebelakangan bagi pembaharuan perkhidmatan kontrak? (1/2 Markah).